

## KHUTBAH JUMAAT

“PEMBANGUNAN LESTARI, NIKMATNYA DISYUKURI”

( 8 Disember 2023M/ 24 Jamadilawal 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk “**Pembangunan Lestari, Nikmatnya Disyukuri**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bidang sains dan kejuruteraan adalah antara cabang ilmu dalam Islam, yang bertunjangkan tauhid kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Ia menjadi pemangkin utama kepada kemajuan dunia yang berpaksikan kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Hasil daripada penemuan dan penyelidikan sains dan teknologi kejuruteraan, pelbagai kebenaran dan bukti telah ditemui yang menunjukkan kepada kekuasaan dan keagungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Bidang teknologi kejuruteraan adalah cabang ilmu yang merangkumi penguasaan ilmu bagi tujuan kebaikan dan manfaat manusia sejagat. Ia merupakan satu cara untuk membantu manusia memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Seharusnya, umat Islam pada masa kini, mencontohi perjuangan para sarjana dan cendekiawan Islam terdahulu, yang telah banyak menyumbang kepada penerokaan dan perkembangan teknologi dunia meliputi ilmu kejuruteraan, sains, astronomi, fizik, aeroangkasa dan sebagainya seperti **al-Khawarizmi, Jabir Ibnu Hayyan, Al-Battani, Abdul Rahman Al-Suffi, Abbas Ibnu Firnas, Al-Biruni, Al-Jazari** dan lain-lain.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Walau secanggih mana sekalipun teknologi dan kepakaran yang dihasilkan oleh manusia ia tidak akan sesekali dapat melepassi

batasan ilmu Allah *subhanahu wata'ala*. Sebagaimana kebakaran yang dihasilkan umat terdahulu seperti **kaum Tsamud** dan **Kaum Ad**, yang mampu menebuk gunung-gunung yang besar bagi dijadikan istana dan menara, namun apabila perintah-Nya tidak dituruti, nikmati-Nya tidak disyukuri, tetapi dimusnahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Rum, ayat 42:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُّشْرِكِينَ (٤٢)

**Maksudnya:** Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang yang telah lalu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang musyrik.

Tidak dapat dinafikan, impak perkembangan penerokaan teknologi dan ledakan kemajuan kejuruteraan pada hari ini telah mengubah lanskap kehidupan manusia mengikut arus perubahan zaman.

Dengan kebijaksanaan akal yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada manusia, pelbagai peralatan inovasi dan kemudahan fasiliti bangunan yang bermanfaat telah dibangunkan, seperti pembinaan hospital, sekolah, balai polis, lapangan terbang, masjid, universiti, jalan raya, teknologi penyaman udara, lif, penciptaan kapal terbang, kereta dan terbaharu di Sarawak memperkenalkan perkhidmatan Aliran Transit Ringan (ART).

Marilah kita mengambil pengajaran, daripada **keazamanan** dan **ketelitian** Baginda Nabi Nuh *alaihis salam* dalam pembinaan

bahteranya. Terbukti dengan jelas, teknologi dan penciptaan bahtera yang dihasilkan oleh Baginda *alaihis salam*, telah mampu menahan tsunami besar yang membadi ketika zaman itu. Dengan bersandarkan keimanan kepada Allah *subhanahu wata'ala*, orang yang beriman, binatang dan ternakan telah berjaya diselamatkan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah As-Syu'ara', ayat 119:

فَأَنْجَيْنَاهُ وَمَنْ مَعَهُ فِي الْفُلْكِ الْمَسْحُونِ (١١٩)

Maksudnya: *Maka Kami selamatkan dia (Nabi Nuh alaihis salam) dan orang yang bersama-sama dengannya dalam bahtera yang penuh sarat (dengan berbagai makhluk).*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bidang teknikal dan kejuruteraan yang telah mewujudkan pelbagai profesi teknikal seperti **jurutera, arkitek, jurukur bahan, jurukur tanah, ahli geologi, teknologis dan juruteknik** yang sudah semestinya berpaksikan kepada kepakaran dan kesarjanaan disiplin ilmu merupakan nadi kepada kemajuan negara.

Justeru, dengan bertemakan "**Profesion Teknikal, Pemacu Pembangunan Negara Madani**" Penganjuran Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) yang disambut hari **Sabtu pertama bulan Disember** setiap tahun adalah sebagai satu landasan terbaik bagi mengiktiraf sumbangan **warga profesion teknikal di seluruh negara** di atas sumbangan besar kepada pembangunan dan kemajuan ummah.

Ayuh, marilah kita meningkatkan kesungguhan untuk bersama-sama

menjayakan pembangunan Negara sebagai pemangkin ke arah merealisasikan cita-cita kesejahteraan rakyat. Perjuangan kita kini bagi membina sebuah negara yang bermaruah seterusnya mengangkat jatidiri warganegara Malaysia yang menikmati kemakmuran, kebebasan dan keadilan bersama berorentasikan pembinaan negara yang baik serta dirahmati Allah *subhanahu wata'ala*. Jabir bin Abdillah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda: daripada hadis riwayat Imam at-Tabarani *rahimahullah*, yang maksudnya:

الْمُؤْمِنُ يَأْلَفُ وَيُؤْلَفُ، وَلَا خَيْرٌ فِيمَنْ لَا يَأْلَفُ، وَخَيْرٌ النَّاسِ  
أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

**Maksudnya:** Seorang *mukmin* itu adalah seorang yang disenangi dan mudah didekati, lagi disenangi apabila mendekati. Tiada kebaikan bagi sesiapa yang tidak disenangi semasa didekati atau mendekati (kerana kekasarannya). Dan sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada sekalian manusia.

Khutbah pada hari ini ingin juga menzahirkan apresiasi kepada, **Jabatan Kerja Raya (JKR)**, **Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** sebagai agensi teknikal di bawah **Kementerian Kerja Raya (KKR)** yang telah banyak berjasa kepada Negara. Mudah-mudahan seluruh warga teknikal *beristiqamah* menumpukan seluruh komitmen dalam menumpahkan jasa kepada rakyat. Semoga segala sumbangan dan

jasa yang dicurahkan dahulu dan kini mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:-

**Pertama** :Kita hendaklah menjadi rakyat yang sentiasa bersedia menyumbang terhadap aspirasi menjadikan Malaysia sebuah Negara yang berdaulat dan dihormati oleh masyarakat dunia.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada segala bentuk kemaksiatan dan perlanggaran terhadap syariat Islam yang boleh mengundang kemurkaan Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** :Umat Islam hendaklah berupaya menguasai pelbagai kepakaran dan disiplin ilmu ke arah kehidupan yang lebih berkualiti demi kebahagiaan dunia dan akhirat.

**Keempat:** Hiasilah kehidupan kita di dunia dengan melakukan perkara yang memberi manfaat kepada semua orang termasuk diri sendiri demi menggapai keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 191:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِّلًا سُبْحَانَكَ فَقَنَّا عَذَابَ

النَّارِ

**Maksudnya:** (laitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبٌ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا  
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّلْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ  
كَلِمَاتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطْ عَلَيْهِمْ كُلِّاً مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ يَا  
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،  
إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ  
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْأَعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةِ.